

23 APR 2002

Najib-Media/I

LABUR DALAM MEDIA GLOBAL UNTUK TONJOLKAN ISLAM SEBENAR, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Masyarakat Islam wajar melabur dalam syarikat media antarabangsa yang mempunyai liputan luas di peringkat global bagi menonjolkan pandangan seimbangan Islam, perjuangan sebenar agama itu serta perjuangan umat Islam.

Ketika membuat cadangan itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sesetengah pihak mahu menonjolkan Islam sebagai sinonim dengan keganasan.

Beliau berkata media, dalam usaha untuk memudahkan perkara, telah melakukan ketidakadilan kepada Islam.

"Kita mesti berjuang membetulkan ketidakadilan media ini melalui medium yang boleh dipercayai dan berkesan. Kita perlu melabur untuk menyuarakan pandangan kita sendiri yang boleh mencabar media barat," katanya dalam ucapnama pada seminar "Ke arah Pemahaman yang lebih baik mengenai Islam dan Barat: Peranan Media" di sini hari ini.

Najib berkata stesen televisyen yang berpangkalan di Qatar, Al-Jazeera merupakan permulaan yang baik dan lebih banyak media seperti itu perlu diwujudkan.

Najib berkata Malaysia telah memainkan peranannya dalam membetulkan imej negatif mengenai Islam.

Katanya menerusi kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia hari ini dianggap sebagai negara membangun sederhana yang maju, mungkin satu daripada beberapa negara dalam dunia Islam hari ini.

Dan kejayaan ini katanya mesti ditonjolkan kerana ia akan membantu melenyapkan anggapan negara Islam dan umat Islam sebagai tidak berjaya.

Katanya umat Islam di sini hidup dalam keadaan harmoni dengan penduduk yang berlainan agama dan setiap orang bertoleransi dan menghormati satu sama lain.

"Itu sebab mengapa kerajaan akan terus mengambil tindakan segera terhadap mereka yang mencabar cara hidup kita, ajaran sebenar Islam adalah seseorang yang menghormati agama lain," katanya.

Seminar sehari itu dianjurkan bersama oleh Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia dan Yayasan Konrad Adenauer.

-- BERNAMA

MAM AHH LAT